

'Jangan hanya pentingkan gaji sahaja'

FH 12 MAY 1975

JERTEH, Ahad. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed hari ini mengingatkan kaum guru supaya menjalankan tugas masing-masing dengan penuh kejujuran dan tidak semata-mata mempersoalkan tentang gaji.

Beliau menyatakan kesal kerana ada setengah guru mengungkit-ungkit "samada gaji yang diberi setimpal dengan sumbangan mereka."

Cara pemikiran demikian hendaklah diubah, para guru sebaliknya hendaklah memikirkan adakah kerja yang disumbangkan setimpal dengan gaji yang diterima, tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian di majlis perasmian bangunan baru Sekolah Kebangsaan Tanah Merah, Jerneh yang dibina dengan belanja \$75,000.

"Bagaimanapun tidaklah bermakna guru-guru mesti bertungkus-lumus semata-mata untuk kepentingan sekolah tanpa bergiat di lapangan lain," tambahnya.

Di samping itu Dr. Mahathir menyeru kaum pelajar terutama mereka yang diluarbandar jangan melepaskan segala peluang yang disediakan kerajaan untuk melanjutkan pelajaran tinggi.

Sementara itu berucap merasmikan Sekolah Menengah Seri Nering di sini, Kementerian Pelajaran telah menguntukkan sejumlah \$5.9 juta tahun ini untuk melaksanakan projek pembangunan sekolah di

Trengganu.

Peranan ibubapa dan guru-guru serta kerjasama kedua pihak penting bagi memajukan pelajaran para pelajar, jelasnya.

Ibubapa hendaklah menaruh minat terhadap pelajaran anak masing-masing dan menggalakkan mereka dalam bidang-bidang yang sesuai dengan kebolehan mereka.